


ULASAN BUKU



THEBINGKISANHATI
Ada Dia di Hatiku
Batu Caves, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
2020.
ISBN 9789830978918

ULASAN

Buku ini mengandungi lapan belas tajuk kecil (18) yang menceritakan persoalan hati dan kehidupan manusia. Buku ini merupakan Pemenang tempat Pertama dan Ketiga dalam Anugerah Pilihan Pembaca Popular Berita Harian 2019. Buku ini ditulis oleh Nurul Ezzati dengan menggunakan nama pena 'Thebingkisanhati'. Penulis merupakan seorang gadis yang *introvert* dan meminati puisi. 'Ada Dia Di hatiku' merupakan buku yang keenam dihasilkan dan beliau bercita-cita untuk menghasilkan sebuah novel di masa akan datang.

Dalam tajuk kecil 1–5 menceritakan kehidupan setiap manusia. Kehidupan kita ibarat seperti roda yang berpusing- pusing melalui semua ranjau dan duri. Setiap permulaan untuk hidup berkeluarga pastinya dari awal dan kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dan kesenangan. Ada ketika kita berada di puncak kesenangan dan kadang – kadang kita akan jatuh ke bawah. Bagi yang berjaya dalam kehidupan pastinya akan menunjukkan kemewahan dan kesenangan yang

diperoleh. Manakala bagi yang berada dalam kesusahan dan kurang berjaya pula, sentiasa merendah diri dan berusaha untuk mencapai yang diperlukan. Dalam kehidupan setiap manusia, segala kesenangan, kesusahan, kegembiraan dan lain-lain sentiasa menjadi ingatan dan kenangan di dalam hati. Sekiranya kenangan itu pahit, ianya sangat susah untuk dilupakan dan untuk terus berusaha ke hadapan. Walau bagaimanapun setiap manusia yang ditimpa kesusahan, berdoalah kepada Allah swt. kerana kepada Dia yang sentiasa mendengar dan memberi ketenangan kepada kita.

Dalam tajuk kecil 6–10 pula, mengisahkan kehidupan manusia sentiasa bersama–sama dengan orang sekeliling, sama ada sahabat, jiran dan lain- lain. Mereka mempunyai hati yang berlainan di antara satu sama lain. Ada yang berhati mulia dan ada yang sebaliknya. Justeru, kita hendaklah berhati–hati untuk menjaga hati masing–masing supaya tidak ada kelakuan yang menguris hati. Sekiranya ditimpa perkara yang tidak baik dan menyakitkan, ianya mendatangkan kesan yang mendalam kepada hati. Peristiwa begini membuatkan sesetengah orang menjadi kemurungan yang melampau dan mendatangkan persengketaan yang berterusan. Walau bagaimanapun biarlah ianya menjadi lipatan kenangan di dalam hati. Sekiranya ada perbuatan yang tidak baik dilakukan terhadap orang lain, biarlah Allah S.W.T. yang memberi pengajaran dan keinsafan kepada pelakunya.

Seterusnya di dalam tajuk kecil 11–15, penulis memberi semangat kepada hati yang sedih dan hancur luluh untuk bangun semula. Kita perlu bangun semula dan melupakan perkara–perkara yang telah menyebabkan kesedihan dalam hati. Kita boleh meletakkan kesedihan itu pada satu tempat di dalam hati sebagai peringatan dan teladan untuk bangkit semula dalam kehidupan. Kehidupan ini diibaratkan seperti roda.

Kita wajib percaya kepada takdir Allah S.W.T. Hanya Allah tempat yang terbaik untuk mengadu dan memohon petunjuk. Berdoalah kepada Allah S.W.T. supaya dijauhkan daripada sifat dendam di dalam hati. Semoga ia

dapat menjadikan hati lebih tenang. Lupakan semua peristiwa yang lalu dan mula bersemangat untuk meneruskan kehidupan dengan cara hidup yang baharu dan lebih berhati-hati.

Seterusnya di dalam tajuk kecil yang ke 16–18, Penulis berharap setiap insan perlu berusaha bersungguh-sungguh sepertimana pada peringkat permulaan dahulu. Dengan perancangan yang lebih teratur dan sempurna, semua masalah dan halangan yang dihadapi boleh diselesaikan dengan baik dan sempurna.

Selain daripada itu, setiap manusia perlu mempunyai pegangan agama dan sentiasa memohon keredhaanNya dalam setiap usaha yang dibuat. Sebagai manusia yang kerdil, hanya kepada Allah S.W.T. kita memohon serta berdoa supaya dipermudahkan segala masalah dan cabaran yang dihadapi. Dengan berdoa kepadaNya kita akan mendapat ketenangan di dalam hati. Semoga Allah S.W.T sentiasa memberi petunjuk dan jalan yang baik kepada hambaNya.

Selain dari itu, penulis ada membuat catatan hidup dengan gaya bahasa yang puitis sebagai ingatan dan teladan kepada setiap manusia. Tulisan berbentuk puisi tersebut mempunyai makna tersirat yang sangat mendalam dan penuh nasihat kepada semua insan. Di antara tajuk puisi tersebut adalah *Seburuk Apa Kisah Hidupku, Aku Lepaskan Dengan Ikhlas, Puncak Awan, Nilai Hidup, Hulurkan Maaf* dan banyak lagi yang pasti akan menarik perhatian pembaca untuk mengingat setiap baris dan rangkap puisi-puisi indah yang penuh bermakna ini.


Selaku pengulas, saya mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur terutama kepada golongan remaja yang meminati penulisan sajak dan puisi. Mesej yang disampaikan di dalam buku ini sangat mendalam dan memerlukan kefahaman untuk mentafsir setiap bait-bait ayat kerana penyampaiannya di dalam bentuk bahasa sastera yang berbunga-bunga. Gaya bahasa yang puitis lagi lembut ini membuatkan

pembaca teruja untuk membaca sehingga ke akhir tajuk. Plot yang disampaikan berturutan iaitu bermula dengan permulaan kehidupan, kehidupan berada di kemuncak, diikuti dengan masalah yang dihadapi dan akhirnya penyelesaian kepada masalah serta semangat untuk bangun semula.

Pengulas

Haniza binti Yusof
Penolong Pustakawan Tinggi
Bahagian Penyelidikan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



NOR IBRAHIM SULAIMAN
Liku-Liku Pertemuan Baling
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
2020.
ISBN 9789834928223

ULASAN

Buku ini secara keseluruhannya membincangkan sejarah tanah air pada pertengahan kurun ke-20. Pertemuan Baling berlaku pada 28-29 Disember 1955 amat penting kerana perundingan pertama kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Parti Komunis Malaya (PKM). PKM telah mengancam keselamatan negara pada masa itu. PKM telah mengangkat senjata pada awal tahun 1948 dan darurat telah diisytiharkan pada bulan Jun 1948. Peperangan menentang keganasan PKM ini telah dijalankan oleh pihak British yang menggunakan tentera dan polis tempatan serta tentera negara Komanwel.

Mungkin pada masa ini, peristiwa yang begitu signifikan sehingga Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ini tidak begitu diketahui oleh sebahagian rakyat Malaysia. Proses mendapatkan kemerdekaan untuk negara tercinta ini telah dipercepatkan kesan daripada ketegasan Tunku Abdul Rahman untuk bertemu Chin Peng (Ketua Parti Komunis Malaya). Ketegasannya ini memaksa kerajaan Inggeris melonggarkan dasar pemberian kemerdekaan kepada koloninya ini. Dengan itu, penamatan darurat tidak lagi merupakan faktor utama pemberian kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Pelbagai polisi pentadbiran telah dijalankan oleh British, termasuk memberikan kerakyatan kepada imigran bagi mengelakkan sokongan terus orang Cina kepada PKM. Hal ini juga menjadi cara mengurangkan kesetiaan orang Cina kepada tanah asal. Langkah British untuk mengadakan Rancangan Briggs termasuklah memperkenalkan kawalan perubatan dan makanan, pengampunan beramai-ramai, pembinaan kampung baharu bagi masyarakat imigran dan kawalan ketat kepada kampung itu bagi mengelakkan sokongan yang berterusan kepada PKM. British telah membelanjakan wang yang banyak bagi mengatasi ancaman PKM ini, sehingga bantuan kepada orang Melayu melalui Rural Industrial Development Authority (RIDA), yang ditubuhkan pada akhir 1950, tidak diberi perhatian.

Usaha untuk menghidupkan pergerakan ini semula atau memberikan ruang kepada bekas penganas PKM untuk pulang telah diadakan sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati sebahagian rakyat Malaysia. Mereka melihat PKM sebagai titik hitam dalam sejarah negara. Maka penulisan buku *Liku-Liku Pertemuan Baling* ini menjadi penulisan khusus yang mendalam terhadap peristiwa itu. Selalunya dalam penulisan mengenai usaha pihak berkuasa untuk mengatasi ancaman PKM, perhatian lebih banyak tertumpu kepada aspek ketenteraan untuk membasmi ancaman pengaruh PKM. Oleh itu, Pertemuan Baling 1955 selalu disebut secara sepintas lalu sahaja.

Usaha penulis untuk mengkaji langkah awal persiapan dan masalah yang dihadapi semasa proses perundingan berjalan serta kesan kepada pertemuan itu, diceritakan dengan mendalam dan terperinci. Kajian dan penerangan yang dilakukan oleh penulis amat baik, walaupun masyarakat hanya perlu tahu secara umum tentang Pertemuan Baling ini. Dengan adanya kajian yang mendalam ini, penulis telah dapat memperkasa khazanah sejarah negara. Ternyata Pertemuan Baling ini bukanlah hanya sebuah pertemuan biasa, tetapi sebenarnya sebuah pertemuan dua ideologi yang bertentangan, yang mahu menguasai antara satu sama lain. Sesungguhnya Pertemuan Baling, walaupun tidak mengikut perancangan Tunku Abdul Rahman bagi membubarkan PKM, tetapi telah

meredakan sementara pengaruhnya. PKM masih tetap belum dibubarkan sehingga kini.

Sebagai sebuah penulisan berbentuk akademik, buku ini digarap dengan begitu baik sekali. Penggunaan dokumen dan sumber sejarah yang begitu komprehensif telah memperlihatkan kesungguhan penulis untuk menghasilkan sebuah karya bertanggungjawab dan penting. Generasi muda sepatutnya mencontohi cara penulis yang berjaya merakamkan dan menulis sejarah sebagai satu khazanah dan warisan bangsa negara yang tidak ternilai dengan wang ringgit. Tulisan ini menjadi bukti kepada keserjanaan yang patut dicontohi, daripada seorang pengkaji sejarah demi kecintaan kepada ilmu sejarah negara yang dikasihi.

Pengulas

Mohd Hafiz bin Salim

Penolong Pengarah

Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Biografi Penulis Perak. Jilid 2

Ipoh, Perak: Persatuan Karyawan Perak, 2021.

ISBN 9789675877445

ULASAN

Kemunculan buku *Biografi Penulis Perak* Jilid 1 dan Jilid 2 adalah berpaksi kepada kepentingan dokumentasi bagi merakamkan sejarah keterlibatan penulis-penulis Perak dalam kegiatan penulisan yang dilakukan di dalam mahupun luar negeri Perak. Bilangan penulis kreatif dan non kreatif yang begitu ramai menyebabkan penerbitan buku ini terpaksa dipecahkan kepada dua jilid yang mengandungi biografi ringkas seramai 100 orang penulis dalam jilid satu (1) manakala 108 orang dalam jilid 2.

Walaupun pada hakikatnya biografi ringkas bagi setiap penulis yang dipaparkan dalam buku ini tidak menggambarkan sepenuhnya sejarah kepengarangan mereka, tetapi ia sudah memadai sebagai rekod dokumentasi yang boleh dirujuk untuk kepentingan kajian kerana fakta berkaitan latar belakang, kelulusan akademik, karya, kegiatan penulisan, penerimaan anugerah atau hadiah telah dimasukkan mengikut format oleh penyelenggara. Kebanyakan fakta dan data yang diperolehi daripada penulis sendiri sebagai sumber primer namun terdapat juga yang dikutip daripada sumber sekunder bagi memantapkan sumber penulisan.

Hakikatnya, kegiatan penulisan di Perak dikesan bermula semenjak akhir abad ke-19 apabila sebuah surat khabar yang pertama terbit dalam Negeri-negeri

Melayu Bersekutu (NNMB) dikenali sebagai *Seri Perak* yang berpusat di Taiping. Kemunculan *Seri Perak* telah menarik ramai cerdik pandai Melayu menulis dalam akhbar bertulisan jawi itu.

Kesinambungan perkembangan penulisan di Perak terus rancak dengan tertubuhnya Pejabat Karang Mengarang di Sultan Idris Training College (SITC) Tanjong Malim pada tahun 1924 yang menerbitkan bahan-bahan bacaan dan buku teks sekolah sekali gus turut melahirkan beberapa orang penulis dalam kalangan pensyarah atau guru SITC yang bergiat menulis serta menghasilkan karya terjemahan antaranya Buyong Adil, Ahmad Murad Nasarudin dan Shamsuddin Salleh. Wadah penulisan mereka melebar dengan munculnya beberapa akhbar berbahasa Melayu di negeri ini seperti *Jajahan Melayu* terbit di Taiping pada 1896, *Warta Kerajaan Perak* (Ipoh, 1896), *Jambangan Warta* (Batu Gajah, 1901), *Panduan Teruna* (Ipoh, 1930), *Warta Perak* (Ipoh, 1937), *Sinar Malaya* (1931), *Penghiburan* (1936), *Warta Kinta* (1937), *Berita Perak* (Ipoh, 1937), *Cahaya Timur* (Ipoh, 1942), *Suara Rakyat* (Ipoh, 1945), *Puteri Melayu* (1947), *Masyarakat* (1950) dan *Seruan Majlis* (1956).

Di antara penerbitan majalah pula ialah *Khazanah Al Ilmu* diterbitkan di Kuala Kangsar pada 1904, *Cenderamata* (Tanjong Malim, 1923), *Semaian* pula jurnal pertama Maktab Melayu Kuala Kangsar (1923), *Semangat Guru* (Ipoh, 1946), *Al Faqwa* (Taiping 1947) dan *Al Ikhya* (Gunung Semanggol, 1947). Kemunculan media cetak tersebut sekali gus melahirkan penulis-penulis yang datangnya dari dalam guru dan ulama yang bergiat aktif menyumbangkan karya mereka dalam akhbar berkenaan. Nama-nama seperti Mohamad Omar bin Haji Abu Bakar, Gulam Kadar, Syed Abdul Hasan Burhan, Ahmad Nawawi bin Mohd. Ali, Othman bin Mohd Akib, Abdul Rahman al-Yobi, Ahmad Noor bin Abdul Shukur, Raja Mansor bin Raja Abdul Kadir, Haji Yang Hamzah, Mir Ngah Akasah, Yub Shidan bin Pandak Kolah, Yassin Johan, Yahaya Mustaffa dan Shariff Haji Taib.

Kepesatan perkembangan penulisan di Perak turut berlaku pada zaman selepas Tanah Melayu merdeka yang turut melahirkan penghasilan karya sastera kreatif seperti puisi, cerpen, skrip, drama pentas, skrip drama radio dan novel.

Karya-karya mereka tidak hanya diterbitkan di Perak tetapi melebar ke media cetak yang diterbitkan di Singapura, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Kegiatan penulisan terus dirancarkan bukan hanya menghasilkan karya-karya tetapi menubuhkan badan-badan penulisan dan Bahasa di serata daerah. Oleh kerana hamper setiap daerah di Perak mempunyai persatuan penulis, timbul cadangan Kerajaan Negeri Perak untuk membentuk sebuah badan induk bertaraf negeri bagi memayungi persatuan-persatuan peringkat daerah. Pada 1977 tertubuhlah Ikatan Persatuan Penulis Perak (IPPP) yang mendapat pengiktirafan Kerajaan Perak.


Sepuluh tahun kemudian, Kerajaan Negeri Perak mengiktiraf kegiatan dan sumbangan para penulis Perak dengan mewujudkan 'Malam Anugerah Penulis-Penulis Perak' pada 1987 sekaligus menobatkan Suhaimi Haji Muhammad sebagai Sasterwan Perak yang pertama di samping memberikan sembilan hadiah penghargaan kepada para penulis anak Perak mengikut kategori seperti novel, cerpen, drama, puisi, kritikan sastera dan sebagainya.

Sebagai rumusan, Negeri Perak telah melahirkan ramai penulis kreatif dan non-kreatif berbilang bangsa dalam pelbagai genre penulisan. Justeru keterampilan karya mereka dibaca dan dibicarakan masyarakat sepanjang zaman meskipun ada pengkarya yang sudah meninggal dunia. Namun demikian sejarah kehidupan mereka akan menjadi suri teladan kepada generasi selepas mereka kerana pencapaian peribadi seseorang penulis merupakan sumber inspirasi, cerminan kejayaan dan kemajuan pengkarya pelapis. Justeru buku Biografi Penulis Perak 2 ini merupakan mercu tanda perkembangan kegiatan penulisan di Perak kerana di dalamnya terakam fakta dan maklumat berguna untuk dibuat kajian.

Pengulas

Nor Hidayah binti Osman
Penolong Pengarah
Unit Rujukan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Bukit Fraser : Kepelbagaian Biologi & Persekitaran Fizikal
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.
ISBN 9789672429203

ULASAN

Buku ini mengandungi tujuh belas bab yang berkesinambungan. Kebanyakan bab ditulis oleh para penyelidik daripada Pusat Penyelidikan Bukit Fraser (PPBF), Universiti Kebangsaan Malaysia. Gambaran kepelbagaian biologi yang dipersembahkan dalam buku ini yang kaya dan persekitaran fizikal di persekitaran koridor Raub - Bukit, Fraser, Pahang. Tujuan buku ini adalah untuk menambah maklumat mengenai kepelbagaian biologi dan persekitaran fizikal Bukit Fraser.

Gambaran keseluruhan secara ringkas mengenai susunan semua tajuk perbincangan yang dimulai dengan bahagian flora, yang kemudian diikuti dengan bahagian fauna dan diakhiri dengan bahagian persekitaran fizikal diterangkan dalam bab pertama. Bukit Fraser merupakan hutan gunung rendah yang didominasi oleh famili *Fagaceae-Lauraceae* atau dikenali hutan berangan-mempening disamping famili - famili yang sinonim dengan jenis hutan ini seperti *Aceraceae*, *Araucariaceae*, *Clethraceae*, *Cunoniaceae*, *Ericaceae*, *Myrtaceae*, *Pentaphylaceae*, *Symplocaceae*, *Podocarpaceae*, *Symplocaceae* dan *Theaceae*.

Dalam bab dua pula menerangkan 58 famili, 140 genus dan 323 spesis flora pokok. Ia memberi impak kepada penambahbaikan senarai flora di Semenanjung Malaysia. Manakala bab ketiga menyentuh mengenai komposisi tumbuhan di habitat *Rafflesia* Hutan Lipur Lata Jarum dengan famili yang paling dominan adalah

Euphorbiaceae dengan 18 spesis. Famili kedua dominan dengan 11 spesis dan *Myrtaceae* dan *Rubiaceae* yang masing - masing mencatatkan 9 spesis daripada keseluruhan 166 spesis.

Bab empat menerangkan kepelbagaian lumut jati yang didokumentasi mempunyai nilai estetika yang mampu menarik pelancong. Selain itu, ia berperanan penting dalam ekosistem hutan di mana ia merupakan spesies perintis yang mampu mencegah hakisan tanah serta menyerap dan menampung air yang banyak.

Liken pula adalah merupakan sejenis organisma yang hidup hasil daripada hubungan simbiotik daripada kulat dan alga. Kepelbagaian spesis Liken yang endemik kepada kawasan tanah tinggi dan hutan pergunungan diterangkan di dalam bab lima. Sebanyak 15 jenis spesis Liken telah dikenalpasti dengan kebanyakan daripada jenis Folios.

Bab enam menerangkan berkenaan spesies kulat mikro yang terdapat di Malaysia dengan menambah maklumat mengenai floristik kulat mikro di tiga denai alam yang terdapat di Bukit Fraser. Sejumlah 18 spesimen kulat makro terdiri daripada 11 famili dan 15 genus telah direkodkan. Bab tujuh pula memfokuskan kepada spesies *Ophiocordyceps unilateralis* iaitu kulat yang bertindak sebagai parasit. Suhu sejuk di Bukit Fraser sangat menggalakkan pertumbuhan kulat Entomopatogenik.

Manakala bab lapan menyenaraikan pertambahan spesies kupu-kupu bagi Bukit Fraser iaitu sebanyak 17 spesies yang tergolong dalam lima famili. *Nymphalidae* merupakan famili yang paling pesat perkembangannya manakala *Papilionidae* merupakan famili yang paling kurang berkembang. Bab sembilan menyenaraikan tambahan rekod baharu sejumlah 21 spesies rama-rama bagi Bukit Fraser. *Geometridae* merupakan famili terbanyak dengan 11 spesies manakala 5 famili (*Eupterotidae*, *Uraniidae*, *Sphingiidae*, *Bombycidae* dan *Notodontidae*) hanya diwakili dengan satu spesies sahaja.

Bab sepuluh pula menerangkan mengenai riang-riang yang mengeluarkan bunyi dengan beberapa tujuan termasuklah mengawan, mempertahankan diri dan

berkumpul. Bunyi panggilan riang-riang telah direkod menggunakan mikrofon stereo berparabola dan perakam di rintis yang terdapat di Bukit Fraser.

Bab sebelas memfokuskan kepada lalat mencalai yang walaupun bersaiz kecil, lalat mencalai atau lalat *forid* (*Diptera:Phoridae*) boleh dianggap sebagai kumpulan yang paling kaya dengan kepelbagaian morfologi, tingkahlaku dan habitat. Penemuan *Imparphora Pahangensis* dengan ciri-ciri morfologi unik di Bukit Fraser telah memperluaskan taburan serta kepelbagaian ekologi lalat mencalai khususnya di lokasi berlalitud tinggi.

Kaedah pengumpulan lalat nekrofaj dengan menggunakan umpan insang ikan busuk telah merekodkan kehadiran 16 genus dan 24 spesies. Kehadiran spesies lalat nekrofaj dalam *biotope* ini menggambarkan pengaruh persekitaran biotok dan *abiotic* terhadap ekologi dan habitat serangga ini di Bukit Fraser, diterangkan di dalam bab dua belas.

Bab tiga belas memperihalkan tinjauan mengenai burung di Air Terjun Jeriau. Sebanyak 47 spesies burung telah direkodkan sepanjang tinjauan yang merangkumi 15 peratus daripada keseluruhan burung yang direkodkan di Bukit Fraser. Bab empat belas memperihalkan sejumlah 12 spesies Amfibia yang telah direkodkan di sepanjang Sungai Jeriau. Analisis habitat melalui ordinasi NMDS menghasilkan lima kelompok katak iaitu di sungai kekal, sungai sementara, sungai bawah kanopi, kawasan terbuka dan kawasan terbuka dekat punca air.

Bab lima belas pula menerangkan mengenai tanah runtuh cetek yang telah berlaku dengan skala kecil dan sederhana. Mekanisma utama untuk menentukan kejadian tanah runtuh cetek adalah dengan menggunakan teknik kajian geofizik dan kejuruteraan tanah.

Bab enam belas menjurus kepada isyarat satelit daripada satu stesen rujukan GPS yang telah dipasang di PPBF dengan kerjasama di antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Stesen GPS ini telah dijadikan titik rujukan strategik daripada segi *geomagnetic* untuk mendapat ketepatan lokasi sesuatu tempat dan untuk kajian angkasa lepas.

Bab terakhir iaitu tujuh belas memperihalkan bahawa hakisan cerun boleh dikawal melalui kaedah biokejuruteraan. Hakisan tanah boleh dikawal oleh tumbuhan melalui pendekatan seimbang daripada aspek biologi, hidrologi, mekanik dan ekologi. Spesies rumput Pennisetum didapati menggalakkan penggunaan rumput yang memberi nilai tambah spesies rumput tempatan sebagai salah satu bahan biologi berpotensi bagi mengawal hakisan.

Pengulas


Sofia binti Osman

Penolong Pengarah

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Biografi Ho Chi Minh

Kuala Lumpur: IIUM Press, 2021.

ISBN 9789674910761

ULASAN

Presiden Ho Chi Minh merupakan pemimpin yang dikasihi oleh rakyat Vietnam. Walaupun telah meninggal dunia, namanya masih disanjung dan terpahat di hati dan ingatan rakyat. Tidak ramai orang yang menjadi lagenda semasa mereka masih hidup. Jelas bahawa antara mereka yang nadir ini, Ho Chi Minh merupakan seorang daripadanya. Beliau dikenang bukan hanya kerana sumbangannya membebaskan rakyat dan negara daripada dominasi dan penjajahan barat, malah beliau merupakan pelopor falsafah moden yang menampilkan satu wawasan masa depan yang mendahului zamannya. Beliau juga telah memberi harapan kepada mereka yang berjuang menentang ketidakadilan dan ketidaksamaan di dunia ini.

Beliau menubuh, memimpin dan melatih Parti Komunis Vietnam. Beliau juga sedar bahawa arah tuju perjuangan parti yang sebenar ialah kejayaan Revolusi Vietnam. Oleh yang demikian, beliau telah menubuhkan dan melatih (Vietnamese People Army) menjadi tentera revolusi yang taat dan setia kepada negara. Semasa berlakunya dua perang pemberontakan menentang imperialisme Perancis dan kolonialisme Amerika, sumbangannya kepada parti adalah dengan mempertingkatkan dan menambah baik strategi ketenteraan Vietnam. Sumbangan besarnya serta kerjayaaan cemerlangnya dikaitkan dengan sejarah

gemilang Parti Komunis Vietnam dan juga perjuangan bermaruah seluruh rakyat Vietnam menentang penjajah.

Presiden Ho Chi Minh telah mengambil inisiatif untuk menentang kolonialisme dan imperialisme, membebaskan rakyat Vietnam yang tertindas dengan mendapatkan kemerdekaan dan kebebasan. Beliau telah menubuhkan Republik Demokratik Vietnam, sebuah negara demokratik rakyat pertama di Asia Tenggara yang meletakkan Vietnam dalam peta dunia dan memimpin negara Vietnam menuju era baharu. Ia adalah era negara bebas dan merdeka lantas menjadikan Vietnam setaraf dengan negara lain pada ketika itu yang berjuang untuk sebuah negara yang adil, progresif dan bertamadun.

Presiden Ho Chi Minh merupakan orang yang pertama menyampaikan fahaman Marxisme-Leninisme kepada gerakan golongan pekerja dan patriotik di Vietnam. Fahaman tersebut kemudiaanya menjadi dasar dalam asas budaya baru orang Vietnam.

Presiden Ho Chi Minh mula sedar tentang peranan dan kuasa budaya. Beliau telah menyisip budaya dan strategi pembangunan negara. Beliau telah menghapuskan buta huruf, memulakan strategi untuk membina hidup baru dan menanamkan pandangan bahawa tabiat dan tradisi bermusuhan sebagai ketinggalan zaman dan membina tabiat dan budaya baru pada rakyat. Pada tahun 1997, *United Nation Educational Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) telah mengeluarkan kenyataan menghormati Ho Chi Minh sebagai 'Wira Pembebasan Kebangsaan dan Tokoh Agung dan Budaya'.

Sebagai rumusan, Ho Chi Minh (1890-1969) merupakan seorang pemimpin revolusi Vietnam yang berkhidmat sebagai Presiden Demokratik Vietnam dari tahun 1946 sehingga 1969. Beliau merupakan tokoh penting bagi Tentera Rakyat Vietnam dan Viet Cong semasa meletusnya Perang Vietnam. Ho Chi Minh dianggap sebagai pahlawan terhebat dalam kalangan bangsa Vietnam atas jasanya memperjuangkan kemerdekaan dan penyatuan Vietnam. Bandaraya Saigon di Vietnam Selatan yang ditakluk pihak Utara pimpinannya dinamakan sebagai Ho Chi Minh pada 1975 sebagai mengenang jasanya. Dalam usaha

untuk memenuhi permintaan pembaca mengenai riwayat hidup, kerjaya dan pemikiran beliau, Muzium Ho Chi Minh telah membukukan riwayat hidupnya dalam *Ho Chi-Minh-Biography*. Buku ini adalah himpunan beberapa biografi mengenai Ho Chi Minh yang telah diterbitkan sebelum ini serta maklumat daripada dokumen-dokumen bersejarah. Buku ini merupakan biografi kehidupan cemerlang dalam karier beliau yang dipersembahkan secara ilmiah tetapi ringkas dan bersistematik.

Pengulas

Mohd Khoddri bin Ramli

Penolong Pustakawan (S29)

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AHMAD FAIZ YAAKOB, KARTINI ABOO TALIB
@ KHALID
**Pengurusan Awam Baru dan Pempolitan
Dalam Sektor Awam Malaysia**
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN 9789672429821

ULASAN

Buku bertajuk "Pengurusan Awam Baru dan Pempolitan dalam Sektor Awam Malaysia" ini dikarang oleh dua pengarang iaitu Dr. Ahmad Faiz Yaakob dan Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid merupakan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Buku ini mempunyai sebanyak 306 muka surat yang mengandungi enam bab. Secara keseluruhannya buku ini membincangkan perkara mengenai pempolitan dalam sektor awam. Di mana konsep pempolitan dijelaskan secara menyeluruh yang melibatkan ahli politik dan juga pentadbir. Ahli politik dan pentadbir mempunyai peranan sama penting dari segi kedudukan dan peranannya dalam sesuatu pentadbiran. Harold Laswell menjelaskan bahawa politik menjurus kepada pembuatan keputusan yang terletak di bawah pentadbir dan tidak semestinya ahli politik.

Model Pengurusan Awam Baru (PAB), diterangkan bagi melihat titik temu politik dan pentadbiran dan pempolitan dalam pentadbiran awam. Model ini telah diperkenalkan di Amerika Syarikat (AS) kesan daripada evolusi birokrasi

Weber sehingga Pengurusan Saintifik. Dalam model ini, campur tangan politik dalam pengurusan awam dilakukan bagi mengatasi politik *gridlock* agar sistem yang cekap dapat dilaksanakan bagi mewujudkan pentadbiran yang lebih responsive, professional dan efisien dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Bab pertama dalam buku ini menerangkan pengenalan secara ringkas pendekatan yang digunakan dalam pempolitan iaitu Pentadbiran Awam Tradisional (PAT) dan Pengurusan Awam Baru (PAB) berdasarkan kerangka titik politik dan pentadbiran. Pempolitan yang dimaksudkan dalam penulisan ini merujuk kepada tingkah laku, peranan atau reaksi pihak pentadbir terhadap penglibatan, kawalan atau campur tangan politik dalam pentadbran awam.

Bab dua pula menghimpun dan membincangkan penulisan-penulisan lepas mengenai pempolitan dalam sektor awam. Perdebatan lepas daripada para sarjana dan pengalaman dari perlagai negara dihimpunkan bagi mlihat kepada evolusi pempolitan dalam sektor awam. Pelbagai takrif dan corak pempolitan seperti tingkah laku pentadbir, peranan pentadbir simbol politik dan kepimpinan dijelaskan dalam bab ini. Fokus perbincangan adalah untuk mengenal pasti jurang ilmu sedia ada bagi melihat penemuan baharu dalam konteks Malaysia sebagai negara membangun.

Bab ketiga membincangkan topik reformasi PAB iaitu fasa pendekatan perkhidmatan sektor awam yan membenarkan pempolitan berlaku. Kupasan teori dan konsep PAT dibincangkan seperti teori birokrasi oleh Weber dan kawalan politik oleh Wilson. Teori-teori ini berpengaruh dalam PAT di mana ia menganjurkan bahawa melalui pengasingan politik dari pentadbiran, akauntabiliti pentadbir dapat dicapai. Dalam bab ini juga turut memuatkan perkembangan pentadbiran awam yang berlaku di AS dan United Kingdom (UK).

Bab empat menganalisis latar belakang kepada perbincangan utama, iaitu mengenai pengurusan awam baru dan pempolitan dalam sektor awam di Malaysia. Sejak 30 tahun lepas, reformasi dalam perkhidmatan awam telah dilaksanakan dalam usaha menilai keberkesanan PAB dalam memberi impak

positif kepada pentadbiran awam. Perjalanan PAB di Malaysia mempunyai tiga pengertian iaitu bermula pada penghujung 1960-an hingga 2000-an, pengenalan Sistem Perancangan Pemrograman Pembelanjawan (PPBS) penghujung 1960-an dan tempoh yang panjang iaitu selama 50 tahun secara luaran dilihat menampakkan perkembangan secara berperingkat.

Bab lima menghimpunkan analisis perbincangan terhadap impak kawalan politik yang dikenakan dalam sektor awam di Malaysia. Tema-tema seperti hubungan diantara ahli politik dan birokrat, impak pelantikan politik, *outcome* kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI), kesan pendekatan *top-down* serta simbolik politik dihuraikan untuk memperlihatkan bentuk-bentuk dalam titik temu politik. Bab enam pula memaparkan rumusan keseluruhan berkaitan bab yang telah dibincangkan antaranya penulis menggesa agar PAB diiktiraf dan diurus semula dengan memperkenalkan prosedur yang adil bagi menyelaras sempadan campur tangan politik dalam pengurusan awam.

Pengulas


Adam Zulkarnain Saleng

Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan (BPP)

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



NUR IZZATI HAFIEZA ISMAIL, ROHAIDA NORDIN
Nasib Masyarakat Uyghur Xinjiang
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN 9789672429845

ULASAN

Buku ini mengandungi lima (5) bab yang membincangkan hak asasi manusia masyarakat Uyghur Xinjiang di Barat Laut China. Hak asasi manusia adalah merupakan satu perkara penting yang perlu dihormati. Isu semasa yang diperkatakan dalam buku ini adalah mengenai isu penahanan tanpa melalui prosedur yang sah seterusnya membawa kepada pencabulan hak asasi manusia yang telah berlaku ke atas masyarakat minoriti Uyghur di Xinjiang yang mana Xinjiang merupakan sebuah wilayah autonomi yang berada di bawah pemerintahan kerajaan China. Kini, pencabulan hak asasi manusia bagi masyarakat minoriti Uyghur telah mendapat liputan luas media-media antarabangsa susulan dari berita penahanan satu juta masyarakat minoriti Uyghur yang kemudiannya ditempatkan di sebuah kem tahanan rahsia. Di dalam kem tersebut, mereka dipaksa untuk meninggalkan ajaran agama Islam yang dianuti dan menumpahkan taat setia kepada kerajaan dan pemerintahan China. Walau bagaimanapun, Beijing sehingga ke hari ini mendakwa bahawa kem tahanan yang ditubuhkan hanyalah merupakan kem vokasional untuk 'mendidik' masyarakat Uyghur.

Menerusi buku ini, didapati penulis menggunakan kaedah kajian sepenuhnya atau *fully research* dalam mendapatkan maklumat dan informasi mengenai isu hak asasi manusia ini. Dalam bab satu (1), penulis ada menyentuh mengenai dilema masyarakat Uyghur di Xinjiang dan konsep hak asasi manusia menurut tiga pandangan iaitu dari sudut pandangan Islam, Barat dan Undang-undang antarabangsa. Menurut kajian Widani Angkasari (2000), hak asasi manusia mengikut pandangan Islam adalah merupakan satu kewajipan bagi sesebuah negara dan individu untuk mematuhiya dan tidak boleh diabaikan. Manakala menurut Abroo Aman Andrabi (2016) yang memetik khutbah terakhir yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, hak asasi manusia ialah hak untuk hidup, hak untuk bergerak, hak untuk memiliki harta, hak untuk keselamatan sosial, hak untuk pendidikan dan hak terhadap perlindungan daripada penyeksaan. Kesemua hak ini dianggap sebagai satu kepentingan untuk manusia.

Hak asasi menurut perspektif Barat bagi Wildani Angkasari (2000) pula terbahagi kepada dua iaitu kebebasan secara semulajadi dan kebebasan yang diberi oleh kerajaan. Hak asasi manusia di bawah perspektif Undang-undang antarabangsa adalah merujuk kepada Piagam Bangsa-bangsa Bersatu yang menghormati hak asasi manusia.

Untuk bab dua (2), buku ini menceritakan mengenai sejarah dan latar belakang masyarakat Uyghur dan juga kemunculan puak pemisah di Xinjiang dengan menyenaraikan beberapa siri rusuhan yang telah berlaku. Dalam bab tiga (3) pula, buku ini memfokuskan mengenai konsep dan definisi minoriti seperti yang dicadangkan oleh Francesco Capotorti termasuk hak-hak minoriti yang diperuntukkan bukan sahaja di dalam undang-undang antarabangsa, malah turut diperuntukkan dalam undang-undang di China. Polisi dan dasar minoriti oleh kerajaan China juga disentuh di dalam bab ini dan seterusnya membuat analisis perbandingan.

Setelah membincangkan mengenai peruntukkan undang-undang yang sedia ada dalam melindungi masyarakat minoriti termasuk masyarakat Uyghur,


bab empat (4) membincangkan topik utama buku ini iaitu pencabulan hak asasi masyarakat tersebut dengan melihat kepada beberapa tindakan atau polisi kerajaan China.

Akhir sekali, bab lima (5) membincangkan kesimpulan di dalam bab-bab sebelumnya secara keseluruhan dan cadangan-cadangan diutarakan di dalam buku ini agar tindakan diambil bagi mengatasi masalah atau isu ini. Selaku pengulas buku ini, saya mengesyorkan pembaca yang gemar membaca buku sejarah dan sensitif dengan isu kemanusiaan di peringkat antarabangsa agar membaca buku ini sebagai salah satu kaedah meningkatkan pengetahuan semasa sebagai persediaan diri dan negara khususnya dalam memerangi keganasan demi keselamatan negara. Isu pencabulan hak asasi kemanusiaan sesebuah negara perlu ditangani sendiri demi kedaulatan negara tanpa campur tangan negara-negara lain yang mempunyai niat untuk mengganggu gugat keselamatan masyarakat setempat dan negara.

Pengulas

Dayang Norainie Awang Junidee
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AZIANURA HANI SHAARI, YEAP YOKE PENG,
MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN
Jenayah Cinta Siber
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2018.
ISBN 9789674126308

ULASAN

Jenayah penipuan cinta siber bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Namun begitu kajian yang berterusan masih diperlukan untuk memberi gambaran yang lengkap dan menyeluruh bagi membantu pihak berkuasa dalam menangani permasalahan ini. Buku ini merungkai isu-isu berkaitan jenayah penipuan cinta siber dari pelbagai perspektif seperti modus operandi, profil mangsa, strategi, bahasa pujukan dan linguistik yang biasa digunakan oleh penjenayah. Perbincangan jenayah dari sudut psikologi serta unsur-unsur manipulasi lain turut dibincangkan bersama pemaparan berita-berita jenayah di media cetak dan elektronik.

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi bukan sekadar menyediakan laluan pintas kepada pengguna dalam melakukan pelbagai aktiviti harian mereka. Namun juga membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada pelbagai jenayah dan malapetaka. Salah satunya ialah jenayah penipuan cinta siber yang semakin berleluasa di Malaysia. Justeru, semakin ramai yang memperkatakan tentang jenayah ini, semakin bertambah pula jumlah mangsa yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan agama.

Sebagai pengkaji di Malaysia, penulis Dr. Azianura Hani Shaari selaku Pensyarah Kanan di Universiti Kebangsaan Malaysia, banyak membuat kajian dalam ilmu Sociolinguistik yang mengkhususkan kajian perilaku bahasa serta perubahan budaya dalam amalan pertuturan manusia. Melalui penulisan buku ini juga, DSP Yeap Yoke Peng yang merupakan seorang anggota polis yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Siber & Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia berpengalaman selama lebih 11 tahun dan telah mengendalikan pelbagai kes berhubung kes siber di Malaysia. Manakala Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin, Pensyarah Kanan serta Pakar Kriminologi dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Univeristi Kebangsaan Malaysia. Kepentingan penyelidikannya termasuk kriminologi, psikologi jenayah, sains forensik, pembunuhan, keganasan, pencegahan jenayah, penculikan serta kajian psikometrik. Beliau sering muncul di media cetak dan elektronik seperti Astro, TV3, BERNAMA, saluran berita serta beberapa stesen radio tempatan.

Pada pendapat pengulas, buku ini amat penting untuk seseorang yang tidak mengetahui tentang akta apabila terlibat dengan tipu daya Si Awang Hitam di dalam dunia jenayah cinta siber. Terdapat juga mangsa yang enggan melaporkan tentang kes ini atas sebab-sebab tertentu khususnya berkaitan keselamatan dan ada juga yang malu kerana ia bersifat peribadi Pihak Polis Diraja Malaysia, sebenarnya memiliki unit yang khusus dalam menangani dan mengendalikan kes-kes seperti ini. Unit Jenayah Siber terletak di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial di Bukit Aman. Kes-kes penipuan atas talian boleh didakwa mengikut Seksyen 415, 416, 419 dan 420 Kanun Keseksaan. Berdasarkan penerangan tentang akta-akta, kes yang melibatkan jenayah ini kebanyakannya melibatkan unsur-unsur eksploitasi atau penganiayaan yang nyata. Contohnya ialah Seksyen 233 (b) telah menyatakan dengan jelas tentang penggunaan saluran media sosial pelbagai platform untuk mendekati dan menipu serta mengakibatkan kerugian kepada mangsa.

Secara keseluruhannya, kandungan buku ini boleh dikategorikan dalam bidang ilmu bahasa linguistik serta psikologi. Bahasa merupakan instrumen utama yang digunakan untuk menjayakan sesuatu niat dan tujuan. Bahasa yang

dimanifestasikan dengan cara tertentu boleh mempengaruhi emosi, minda serta perlakuan seseorang individu. Menyedari akan hal ini, kumpulan penyelidik berasa terpenggil untuk menjalankan strategi bahasa pujukan dan linguistik yang biasa digunakan oleh penjenayah dalam usaha memerangkap mangsa. Sebuah kerangka pola linguistik dan strategi bahasa pujukan yang digunakan oleh penjenayah cinta siber di Malaysia telah dibangunkan, diuji serta dibincangkan. Kerangka pola linguistik di Malaysia yang dipaparkan di dalam buku ini juga merupakan Hak Cipta Terpelihara di bawah perlindungan Harta Intelek Malaysia. Sebarang penggunaan idea atau apa-apa penyebaran maklumat berdasarkan kerangka pola linguistik ini hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ketua kumpulan penyelidik.

Pengulas

M. Shameer Bin Abu Bakar
Pembantu Pustakawan
Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



BREATHE
BENI RUSANI

DR BENI RUSANI

Breathe

Petaling Jaya, Selangor: MPH Group Publishing
Sdn.Bhd, 2019.

ISBN 9789671495605

ULASAN

Dr. Adam is a cardiologist working in National Heart Institute, who knows how to help others. The only thing he could not fix was himself. When a heart attack threatens his life, Dr. Adam was given the opportunity to flashback and revisit his lost friendship and love. The book reminisces Dr. Adam's current situations and his memories back in around Year 2003 when he was a houseman (junior doctor who just start working). In this novel, readers' can feel and imagine how tense it will be on the very first day of the life of junior doctors. Unsure what to do, where to go etc. But, it was clearly shows how Dr. Adam struggled to maintain to be there, in his shoes as a houseman. In the darkest hours of his present time, his friends and strangers race to rescue him. However, the key to his survival and future may lie in the past. All Dr. Adam wants is a second chance.

The storyline of this novel revolves around the last days of Dr Adam's struggle to survive, and among them, he begins to reflect on his past. The main theme of the novel is about death, how it is inevitable even for cardiologists who seem to deal with similar cases every day, but ironically they are the ones who are at the very end of life.

The story line is well-written in a way that attracts readers with Dr Adam to join in his journey to recount his memories. He looks back on his memories before he graduated, his early years and how he fell in love with Julia.

One of the saddest moment is when he remembers his mistake of sacrificing the lives of others in his own hands. The readers' can appreciate how doctors actually facing difficulties to move on in regarding their patients' deaths. Especially, their very first one. It obviously gives huge impact in their own life. Even for the experienced doctors, losing patient after trying their best and everything they can do but, end up losing their patient can be very torturing.

There are also fond memories of 'Mad Doc' and the story behind his characters. The love life experience of 'Mad Dog' and those slapping stressing love triangle/stories was entertaining in between the real story of Dr. Adam. It was tensed and suspense at some point, although back and forth it was still good and well written.

It also gripped readers' attention and curiosity for those who fancy medical stuff content and how the story of Dr. Adam since the very beginning of the story happens when Dr Adam was having heart attack while he was jogging and how he managed to realize of certain important things in life, those flashbacks and friendship, love and family. The plot 'struggling' in between consciousness of the main character that gave such an enthralling feeling.

There are also some unanswered points in the novel that allow readers to imagine the end of what happened between Dr. Adam and Julia as they go through their divorce process at that time. It just blows our mind on how the relationship ended because he was so in love with her. There are some questions to be think of about the ending stories of 'Mad Doc' and Shah characters in this novel.

There are a lot of lessons to learn in this novel. It teaches readers to stop being judgemental just because someone being rude because we never be in other

people shoes. People also should be logical, empathy and patient even in a stressful and difficult situation. People should learn to forgive full and will allow space in our heart and there will be much space for improvement in ourselves; and the most important things it teaches readers' to be passionate and hardworking in life and career as well, friendship, love and family.

Pengulas

Azlia Binti Azhar
Pembantu Pustakawan
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



KOK KEAN HIN, RUHIZAN MOHAMMAD
YASIN, LATIFAH AMIN
**Bioteknologi dan Pendekatan
Interdisiplin STEM**
Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2019.
ISBN 9789674128449

ULASAN

Buku *Bioteknologi dalam Pendekatan Interdisiplin STEM* ini disediakan oleh penulis bagi memaparkan wacana kaedah pengajaran dan pembelajaran baharu secara ilmiah kepada pembaca. STEM adalah kurikulum berdasarkan idea untuk mendidik pelajar dalam empat disiplin khusus iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik melalui pendekatan interdisiplin. Buku ini boleh dijadikan perintis kepada pelaksanaan pendekatan interdisiplin STEM khususnya bioteknologi dalam subjek elektif seperti sains tambahan di sekolah menengah. Perkembangan ekonomi sejagat pada abad ke-21 akan ditentukan oleh inovasi sains dan teknologi yang semakin maju. Dalam era globalisasi ini, Malaysia juga perlu menyesuaikan diri dengan perubahan ini. Industri yang berkaitan dengan bidang STEM khususnya bioteknologi dijangka menjadi pemacu kepada ekonomi negara menjelang tahun 2020.

Justeru itu, penyediaan tenaga kerja STEM yang mencukupi adalah sangat penting dalam memenuhi keperluan industri. Hasrat Malaysia untuk menjadikan bioteknologi sebagai enjin pertumbuhan ekonomi pada tahun 2020 telah dimulakan dengan pengenalan Dasar Bioteknologi Malaysia (2005-2020). Dalam fasa I (2005-2010), kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif untuk mempromosikan bioteknologi kepada semua pelajar sekolah menengah di Malaysia. Bab satu membincangkan senario pendidikan bioteknologi di Malaysia,

serta masalah pembelajaran dan pengajaran bioteknologi dan implikasinya terhadap pencapaian pelajar.

Bab dua membincangkan kepentingan dan pemupukan kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan bioteknologi. Perbandingan di antara kerangka-kerangka abad ke-21 di luar negara dan di Malaysia juga dijalankan. Pekerja abad ke-21 mesti mempunyai latar belakang sains dan matematik, kreatif, mahir dalam teknologi maklumat dan berupaya untuk menyelesaikan masalah bukan rutin. Pihak sekolah pada masa kini juga perlu menyediakan pelajar dengan kemahiran-kemahiran abad ke-21 untuk bersaing di dalam pasaran kerja yang tidak menentu.

Bab tiga membincangkan pendidikan STEM secara umum di Malaysia dan pelaksanaan pendekatan interdisiplin STEM. Perkembangan dan perubahan ilmu yang begitu pesat telah menyebabkan kaedah pengajaran subjek tunggal yang berkaitan di sekolah semakin kurang relevan untuk menguasai semua ilmu pengetahuan pada abad ke-21. Aktiviti pengajaran melalui integrasi subjek-subjek STEM sebenarnya adalah untuk memperkukuhkan kurikulum yang sedia ada dan mencari kekuatan bersama di antara bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang saling berkaitan.

Bab empat membincangkan pengintegrasian teori-teori pembelajaran yang berkaitan serta implikasinya dalam pembelajaran dan pengajaran bioteknologi. Pengintegrasian pendekatan interdisiplin STEM di dalam model instruksional 5E bersama strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran seperti pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan inkuiri dan penyepaduan teknologi maklumat dan komunikasi adalah berlandaskan teori behaviorisme, kognitivisme dan konstruktivisme.

Bab lima membincangkan langkah-langkah pembangunan modul berdasarkan model Morrison, Ross, Kalman & Kemp serta contoh pelaksanaan aktiviti ringkas dalam Modul Malaysian-Bioteknologi-STEM (MBS). Pelajar melaksanakan aktiviti ringkas secara interdisiplin dengan panduan guru yang minima. Modul pembelajaran Malaysian-Bioteknologi-STEM (MBS) telah

dibangunkan sebagai satu modul interdisiplin STEM khusus untuk pengajaran dan pembelajaran bioteknologi dalam sains tambahan.

Bab enam dan bab tujuh membincangkan kesan modul MBS ke atas pencapaian pelayar dan pemupukan kemahiran abad ke-21. Modul MBS yang dibina memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran bioteknologi khususnya dari segi pencapaian dan pemupukan kemahiran abad ke-21. Bab lapan pula membincangkan implikasi modul MBS terhadap amalan pengajaran dan kurikulum. Ia juga membincangkan sumbangan kajian dan cadangan untuk kajian berkaitan pada masa hadapan. Pelaksanaan pendekatan interdisiplin STEM melalui modul MBS mempunyai kesignifikannya dari segi teori dan amalan pengajaran.

Buku ini disediakan sebagai panduan dan bimbingan dalam pelaksanaan pendekatan interdisiplin STEM khususnya bioteknologi dalam subjek elektif sains tambahan. Buku ini akan memberi inspirasi kepada para pendidik STEM untuk merancang pengajaran dan pembelajaran yang menarik perhatian para pelajar serta membantu mereka menjana idea dan inovasi melalui pengetahuan yang dipelajari. Pengetahuan asas mengenai pendekatan interdisiplin dan amalan pengajaran dan pembelajaran MBS boleh dijadikan panduan umum bagi bidang-bidang STEM yang berkaitan.

Pengulas


Yazid bin Ibrahim

Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU



SYAIDATUN NAZIRAH ABU
ZAHIRIN, ABIDAH ABD RAHIM,
HANISAH OSMAN

Hadis Cinta

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.

ISBN: 9789834932237

Buku ini merupakan penawar kepada pencari cinta dengan penyampaian mudah dan praktikal kepada setiap individu. Cinta ialah motivasi yang mengalirkan kekuatan saat manusia kelelahan. Dalam mendepani cabaran dan rintangan yang berliku, manusia memerlukan panduan dan bimbingan agar kehidupan sentiasa dalam kebaikan dan mendapat keredaan Allah SWT pada akhirat kelak. Himpunan hadis cinta di dalam buku ini hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada ratusan hadis Rasulullah SAW yang memperkatakan soal cinta. Dorongan utama dalam penghasilan buku ini adalah untuk melahirkan generasi muda yang benar-benar memahami maksud cinta. Cinta hakiki yang berhak disalurkan hanya kepada Pencipta dan percintaan sesama manusia berdasarkan keredaan Ilahi yang akan membawa ke syurga sekiranya sentiasa menjaga batas-batas dan melaksanakan hak yang dituntut dalam Islam. Semoga penerbitan buku ini membina generasi masa kini sebagai generasi yang memahami makna cinta di dunia mahupun di akhirat.

SINOPSIS BUKU



MAHMUDAH YAHYA, ABDUL
AZIZ HUSSIN


**Pengurusan Terbaik Sungai
dan Lembangan**

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.

ISBN: 9789834931889

Buku ini memuatkan perbincangan berkenaan peruntukan undang-undang berkaitan sungai serta menerangkan peranan dan pembahagian bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri (Pihak Berkuasa Negeri) dan pihak berkuasa tempatan dalam hal pengurusan sungai dan lembangan. Aspek pengurusan sungai turut dibincangkan merangkumi garis panduan pelaksanaan pengurusan sungai, Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu, langkah pemuliharaan sungai yang tercemar dan konsep pembangunan sungai. Penulis turut menyentuh berkenaan pengurusan banjir di Malaysia yang merangkumi penyelesaian isu banjir, kesediaan kerajaan dalam menghadapi bencana ini dan pemulihan selepas banjir melanda. Isu yang diutarakan dalam buku ini amat penting untuk dibincangkan bagi menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang peri pentingnya sungai dan lembangan diuruskan dengan baik.


SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD ABI SOFIAN
ABDUL HALIM, KHATIJAH
OMAR, SITI NOR ADAWIYAH
AZZAHRA KAMARUDDIN
**Ekopelancongan Pulau
Tioman : Keusahawanan dan
Budaya Niaga**
Kuala Nerus, Terengganu :
Penerbit UMT, 2021.
ISBN: 9789672939719

Ekopelancongan Pulau Tioman Keusahawanan dan Budaya Niaga ialah penulisan yang berasaskan komuniti pengusaha mikro dan kecil dalam industri ekopelancongan yang beroperasi di Pulau Tioman. Kajian ini dijalankan secara campuran kaedah (*mix-mode*) yang menggabungkan kaedah tinjauan daripada kajian kuantitatif dan kaedah pemerhatian daripada kajian kualitatif. Hasil kajian ini mendapati bahawa program pembangunan keusahawanan yang telah dijalankan selama ini tidak memberi kesan yang signifikan terhadap budaya niaga para pengusaha. Sebaliknya, mereka lebih mengutamakan faktor lain yang perlukan perhatian untuk perniagaan mereka. Menerusi kaedah pemerhatian, didapati bahawa pendekatan tanggungjawab sosial korporat dalam perniagaan adalah lebih penting demi tanggungjawab terhadap persekitaran dan kerjasama dalam perniagaan. Buku ini amat berguna kepada pelajar, pengusaha dan juga pembuat dasar membincangkan perkara yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan, industri kecil dan sederhana serta ekopelancongan.

SINOPSIS BUKU




MOHD NOR ADLI OSMAN
**Biografi dan Cabaran Para
Tokoh Hadith**

Shah Alam, Selangor : Bushra
Studio Publication Sdn Bhd,
2021.

ISBN: 9789670921075

'Biografi dan Cabaran Para Tokoh Hadith' adalah buku yang menceritakan tentang liku kehidupan para tokoh hadith dalam berhadapan dengan para pemerintah dan masyarakat. Terdapat dalam kalangan mereka yang dipenjara, disebat, diburu malahan tidak kurang hebatnya juga yang syahid dibunuh oleh pemerintah ketika zaman mereka. Kehidupan semasa hayat mereka tidaklah semanis seperti mana yang disangkakan. Namun begitu, nama mereka cukup gah pada hari ini, malahan terdapat dalam kalangan mereka yang mempunyai mazhab dan pengikut yang tersendiri di serata pelusuk dunia sehingga ke hari ini. Justeru, buku ini mengajak para pembaca mengikuti perjalanan kehidupan mereka dari dua sisi berbeza iaitu pada sisi pertama, memperlihatkan kesungguhan mereka ketika mempelajari ilmu sehingga sanggup berkelana beribu batu merentasi sempadan geografi semata-mata untuk mempelajari, mendalami dan meriwayatkan hadis. Adapun pada sisi kedua, menceritakan beberapa cabaran yang terpaksa dilalui oleh mereka ketika berhadapan dengan para pemerintah atau pun masyarakat demi mempertahankan prinsip agama yang benar.

SINOPSIS BUKU



IZFA RIZA HAZMI, NURUL
FATIHAH ABD LATIP, IDRIS
ABD. GHANI


**Elaeidobius kamerunicus :
Kumbang Pendebunga Sawit**

Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.

ISBN: 9789672511045

Elaeidobius kamerunicus ialah kumbang pendebunga utama kelapa sawit. Maklumat tentang morfologi, ekologi dan kelakuan kumbang *Elaeidobius kamerunicus* kurang diketahui. Justeru itu, buku ini diketengahkan untuk memberikan maklumat berkaitan terutamanya dalam aspek ladang sawit di Malaysia. Di samping itu, maklumat kepelbagaian dan kelimpahan serangga serta tindak balasnya terhadap suhu dan kelembapan ditampilkan dalam buku ini. Perangkap tingkap telah digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan. Secara keseluruhannya, *Elaeidobius kamerunicus* sangat bergantung kepada bilangan bunga sawit jantan dan baka sawit untuk menentukan penghasilan set buah. Justeru, di antara tujuan buku ini dihasilkan adalah untuk memberi maklumat terkini dalam proses untuk meningkatkan lagi pendebungaan kelapa sawit. Maklumat ini sangat berguna kepada pengusaha-pengusaha ladang ataupun pihak berkepentingan untuk menjalankan pengurusan ladang kelapa sawit yang lebih efisien di Malaysia.

SINOPSIS BUKU



DR. MOHD HILMI ABDULLAH
**Sayangi Jantung & Payudara
Anda, Apa Kata Ibnu Sina?**
Selangor, Kuala Kubu Bharu :
Pustaka HILMI, 2020.
ISBN: 9789671801116

Sakit jantung atau dikenali juga penyakit kardiovaskular merupakan pembunuh senyap nombor 1 yang paling ditakuti. Ramai pesakit jantung yang tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya sudah lama mengalami masalah jantung. Pengesanan awal tanda-tanda penyakit jantung amat mustahak diketahui oleh semua pihak. Buku ini merupakan hasil terjemahan topik yang berkaitan dengan jantung dan payudara, siri Perubatan Ibnu Sina. Buku ini membincangkan tentang tanda, punca, jenis dan rawatan yang berkaitan dengan penyakit jantung. Selain itu, ia turut membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan khafaqan dan pitam kerana kedua-dua gejala ini amat berkait rapat dengan masalah jantung. Selain itu, ia turut membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan payudara dan diakhiri tentang teori roh, ubat-ubatan jantung melalui sumber alamiah dan semula jadi berdasarkan pengetahuan dan pengalaman Ibnu Sina.


SINOPSIS BUKU



ZAINAB AL-GHAZALI AL-
JUBAILI
**Hari-Hari Dalam Hidupku :
Kisah Benar : Realiti
Penyeksaan di Penjara
Tentera Mesir**
Rwang, Selangor : Pustaka
Salam, 2021.
ISBN: 9789679756388

Buku ini mengisahkan peristiwa benar liku-liku kehidupan seorang wanita Islam yang gigih mempertahankan umatnya daripada dilanda arus kesesatan. Zainab al-Ghazali al-Jubaili adalah seorang pejuang dakwah yang lahir di tengah-tengah keluarga yang menekankan kepentingan pendidikan Islam. Sejak daripada zaman remajanya lagi beliau telah bertekad untuk mewakafkan dirinya di atas jalan dakwah dan menegakkan kesucian Islam. Beliau telah mengasaskan Jamaah Muslimat pada tahun 1937 yang bertujuan memberikan pendidikan kepada wanita-wanita Islam membantu keluarga yang mana suaminya telah dipenjarakan oleh pemerintah Mesir pada masa itu. Kewibawaan beliau atas jalan dakwah telah mempertemukan beliau dengan As-syahid Hasan Al-Banna, pengasas dan musyid Ikhwanul Muslimin yang pertama yang diasaskan pada tahun 1928 dan merupakan Jamaah Islam yang pertama selepas kejatuhan kerajaan Uthmaniah di Turki pada tahun 1924. Buku ini menyingkap tabir yang terlindung, memberikan kesedaran dan menambahkan keyakinan umat Islam terhadap perjuangan menegakkan daulah Islam.

SINOPSIS BUKU



SARAH KAMAL (SITI SUJINAH
SARNAP)

**Misteri Kisah Lagenda
Melayu**

Petaling Jaya, Selangor :
Hijjaz Recods Publishing, 2021.
ISBN: 9789672278443

Kejayaan atau kejatuhan sesebuah bangsa pasti akan disandarkan kepada lelaki. Kuat lelaki, gagahlah bangsanya. Lelaki Melayu adalah pemimpin bukan sahaja kepada keluarganya bahkan kepada bangsa dan negaranya. Walau bagaimanapun, kita dapati makin ramai lelaki Melayu yang ingin moden, tanpa disedari semakin jauh dari budaya malah agamanya. Mereka di ambang hilang jati diri dan hanya mengangguk kepada apa yang dibawa dari luar. Yang datang dari Timur khususnya berkaitan Islam dan budaya Melayu dianggap kolot dan ketinggalan zaman. Pada suatu ketika, Tamadun Melayu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan Rom, Yunani, Parsi, India serta China. Semakin masa berlalu, tamadun ini dijajah, dijarah sehingga hilang segala rahsia ketamadunan dan kehebatannya. Penjajah dengan rakusnya memusnahkan semua tinggalan yang kita miliki agar lahir generasi yang bodoh yang hanya mengikut acuan yang mereka ciptakan. Hakikatnya sejarah membuktikan bahawa orang Melayu mempunyai ketuanan di Tanah Melayu dan Islam menjadi teras kepada pembentukan jati diri Melayu seperti yang diekspresikan di dalam naskhah ini.

SINOPSIS BUKU



SHAFIE ABDUL RAHMAN
Hagia Sophia & Konspirasi
Penaklukan Konstantinopel
Kali ke-2

Petaling Jaya, Selangor :
Hijjaz Recods Publishing, 2021.
ISBN: 9789672278405

Pembukaan semula Hagia Sophia iaitu sebuah gereja Kristian Ortodoks yang berusia kira-kira 1,500 tahun itu adalah merupakan satu peristiwa besar bagi umat Islam di seluruh dunia. Pengislaman gereja itu merupakan simbol kemenangan umat Islam terhadap penganut Kristian di Eropah yang suatu ketika dahulu amat gah dengan Konstantinopel sebagai pusat kekuasaan Empayar Rom Timur dan akhirnya ditawan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih pada tahun 1453. Sejak itu kota tersebut telah berubah wajah dan dikenali sebagai Istanbul. Terdapat dua hadis terkenal yang berkait rapat dengan Konstantinopel iaitu, Rasulullah S.A.W antara lain mengatakan Konstantinopel kelak akan jatuh ke tangan umat Islam dan pasukan tentera berjaya menawaninya adalah sebaik-baik tentera sementara pemimpin angkatan tentera tersebut adalah sebaik-baik pemimpin. Manakala sebuah hadis yang masyhur yang mengatakan bahawa Konstantinopel akan ditawan oleh umat Islam sebanyak dua kali dan dikaitkan dengan detik kemunculan Dajjal. Di dalam naskhah ini, dapat dilihat peristiwa kembalinya Hagia Sophia menjadi masjid akan meningkatkan lagi amarah dan dendam orang-orang Kristian terhadap umat Islam dan diseru umat Islam di seluruh dunia menguatkan perpaduan serta saf dalam menghadapi peristiwa besar yang bakal berlaku kelak.


SINOPSIS BUKU



CIK SRIKANDI
Darah Baur Bisa Saktimuna
Kuala Lumpur : Terbitan
Bijasura, 2021.
ISBN: 9789672588603


Naskah ini merupakan satu penulisan yang menyelusuri sejarah Melayu yang dari segi sejarah sebenarnya memiliki pembudayaan ekonomi yang semulajadi, memiliki naluri perdagangan yang tepat dan kesungguhan mencaturkan perniagaan secara harmoni. Namun dalam sejarah perkembangan ekonomi, mereka diganggu oleh orang-orang luar yang tamak dan dengki. Pemikiran yang diracuni idealism penjajahan perlu diubah dengan sejarah ketamadunan bangsa Melayu. Bukan sebaliknya diubah dengan ilmu teknologi bangsa penjajah semata-mata yang menjadi pemikiran terjajah, semakin percaya bahawa bekas penjajah bangsanya adalah yang terhebat. Adakah DNA kita tidak sehebat mereka-mereka yang ke depan mencipta mesin-mesin masa? Adakah kita masih dibelenggu oleh "The Malay Burden" yang dicipta khas untuk mengurung pemikiran dan emosi kita. Naskah ini mengajak bangsa kita untuk keluar dari pemikiran yang jumud dan membawa keluar "emas-emas" hasil peninggalan moyang-moyang terdahulu dan berani melakukan perubahan, mencabar keupayaan diri untuk berfikir di luar kotak.

SINOPSIS BUKU



Tadabbur Surah Al-Fatihah ini suatu usaha bagi memudahkan masyarakat untuk mentadabbur Surah Al-Fatihah. Sebagaimana yang kita tahu, Surah Al-Fatihah adalah rukun di dalam solat. Maka, penting kepada kita untuk memahaminya dengan baik. Perkara yang utama ketika bersolat adalah membaca Surah Al-Fatihah, iaitu suara hati sendiri dalam berhadapan dengan Allah S.W.T meminta supaya kita diberi petunjuk oleh-Nya. Paling kurang, kita perlu tahu maksud suara hati ini secara umum. Di sinilah terletaklah rahsia besar kepentingan buku yang telah dipersembahkan oleh penulis. Melalui penulisan ini, diharapkan masyarakat dapat memahami dan mengamalkan Surah Al-Fatihah dengan mudah, berfokus dan berkesan. Beberapa aspek penting telah diketengahkan dalam penulisan buku ini dan diharapkan dapat menjawab pertanyaan masyarakat terutamanya dari segi hukum tajwid, qiraat, hadis berkaitan dengan Surah Al-Fatihah, kalimah terpilih dan huraian setiap ayat dalam Surah Al-Fatihah.

SINOPSIS BUKU



SHAHNAZ SULAIMAN, AZNAN
HASAN, SITI MASHITOH
MAHAMOOD


**Transformasi Pembangunan
Hartanah Wakaf : Menerusi
Dana Amanah Hartanah Islam**

Nilai, N. Sembilan : Penerbit
USIM, 2021.

ISBN: 9789674408329

Buku *Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf Menerusi Dana Amanah Hartanah Islam* mengupas sejarah institusi wakaf serta mekanisme pembangunan hartanah wakaf menerusi pelbagai kaedah tradisional mahupun moden. Buku ini turut menggarap hukum dan fatwa berkaitan wakaf, isu-isu perundangan semasa serta cabaran untuk membangunkan hartanah wakaf menerusi mekanisme kontemporari. Keunikan buku ini antara lain dapat memberikan pendedahan kepada pembaca mengenai aspek penggembleran aset-aset wakaf menerusi kaedah pelaburan moden. Variasi aset-aset wakaf dalam bentuk kontemporari juga berupaya untuk memobilisasi aset-aset wakaf secara lebih dinamik dan progresif. Amanah pelaburan hartanah Islam merupakan antara instrumen pasaran modal Islam yang dilihat berpotensi untuk diketengahkan bagi membuka kunci nilai hartanah yang terpendam. Modenisasi dalam kaedah pelaburan dan pengembangan harta wakaf merupakan satu anjakan paradigma ke arah memperkasa peranan wakaf dalam memenuhi keperluan dan tuntutan umat manusia yang kian mencabar.

SINOPSIS BUKU




**Rawatan Penyakit Psikiatri
dan Masalah Psikologi :
Modul untuk Pesakit dan
Keluarga**

Shah Alam, Selangor : Jabatan
Psikiatri, Hospital UiTM, 2021.
ISBN: 9789671966204

Buku modul ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan tentang penjagaan kesihatan dan kemahiran yang boleh digunakan setiap hari dan menerangkan perkara-perkara penting berkaitan ubat-ubat psikotropik yang kerap digunakan oleh pesakit-pesakit. Dengan pengetahuan yang ada, anda lebih mudah menjalankan kehidupan dengan lebih sihat setiap hari. Kemahiran psikologi dalam buku ini menerangkan tentang teknik menyelesaikan masalah, perancangan masa berkualiti, cara menangani kemarahan serta teknik relaksasi dan refleksi yang boleh membantu anda dalam menjalani kehidupan yang lebih tenang dan memperoleh tahap kesihatan mental yang lebih sejahtera. Ia juga membantu anda menjaga kesihatan diri dengan lebih baik dan mengelak episod penyakit berulang semula. Buku ini ditulis dengan menggunakan bahasa yang mudah agar semua golongan, pesakit dan penjaga dapat memahami dan mengamalkan tips yang diberikan dalam kehidupan seharian.

SINOPSIS BUKU



DATO' SERI ABDUL HADI
AWANG

**Khalifah Umar
Radiallahuanhu : Fiqh Siasah
Khulafa' Al-Rasyidin #2**

Kuala Lumpur : Pustaka
Permata Ummah Sdn. Bhd.,
2021.

ISBN: 9789671911150

Buku ini merupakan kesinambungan daripada Fiqh al-Harakah sebanyak tiga jilid dan siri kedua daripada siri Fiqh Siasah Khulafa' al-Rasyidin. Tulisan kali ini menceritakan riwayat hidup seorang sahabat dan pemimpin Islam agung iaitu Khalifah Umar bin al-Khattab R.A., salah seorang sahabat yang sangat akrab dengan Rasulullah S.A.W. setelah Saidina Abu Bakar R.A. Banyak catatan menarik berkenaan beliau sejak zaman jahiliah sehinggalah beliau menjadi tokoh penting dalam menyampaikan dakwah Islam. Khalifah Umar R.A. menempuh suatu fasa yang sangat genting dalam berdepan dengan dua kuasa besar dunia iaitu empayar kerajaan Rom dan Parsi yang akhirnya menyaksikan kedua-dua kuasa besar itu tumbang, seterusnya membenarkan janji Baginda S.A.W. Pembukaan Islam menjadi semakin meluas dan masyarakat yang dinaungi pemerintahan Islam juga terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa. Justeru itu, banyak ijihad dan pembaharuan politik telah dilaksanakan oleh beliau dari sudut pentadbiran, kewangan, kehakiman, pendidikan dan pembangunan yang boleh kita jadikan sebagai pedoman dan iktibar dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

SINOPSIS BUKU



**Keusahawanan Digital :
Penggunaan dan Impak ICT**
Kajang, Selangor : Kolej
Universiti Islam Antarabangsa,
2020.
ISBN: 9789672122852

Seiring dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada era revolusi industri masa kini, kesedaran terhadap penggunaan ICT dalam pelbagai aspek adalah sesuatu yang perlu diketengahkan. Buku ini diterbitkan secara khusus membincangkan aspek keusahawanan digital. Secara keseluruhan, buku ini mengandungi lapan bab yang membincangkan mengenai penggunaan ICT yang berkaitan dengan keusahawanan digital di Malaysia seiring dengan persediaan menghadapi revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0). Ia merangkumi pandangan secara umum dari sudut global dan tempatan. Selain itu, kandungan buku ini juga melihat bagaimana tahap penggunaan ICT dalam keusahawanan digital memberi impak kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi negara. Kemunculan teknologi baharu seperti Internet of Things (IoT), data raya (big data), perlombongan data, peer-to peer (P2P) dan pengguna-ke-pengguna (C2C) menambah cara usahawan menggunakan teknologi dalam perniagaan mereka. Perkembangan dan penekanan berterusan terhadap ICT telah berjaya menunjukkan prestasi cemerlang sesebuah negara dalam ekonomi digital terutama sekali di Malaysia.


SINOPSIS BUKU



TEME ABDULLAH
**Selamat Tinggal Purnama :
(Strain Pertama)**
Seri Kembangan, Selangor :
Iman Publication Sdn Bhd,
2020.
ISBN: 9789832423959

Buku ini mengisahkan hidup seorang artis terkenal. Hidup pada zaman manusia terpaksa mengumpul 'kredit' yang cukup sebagai bukti mereka berhak untuk kekal hidup di muka bumi. Mereka yang gagal mencapai tahap kredit minima, akan ditarik nyawa. Artis terkenal itu ada segalanya – wajah, suara, personaliti dan pencapaian yang belum pernah dikecapi mana-mana rakyat Nusaraya sebelum ini. Popularitinya melebar ke serantau Asia. Seinggalah ada pihak yang membangkitkan gosip bahawa ada 'artis terkenal' yang membina persona palsu untuk menipu masyarakat semata-mata demi kelangsungan kerjayanya. Malah, suaranya juga dikatakan palsu. Hidupnya berubah dari saat itu. Terdapat selebriti terkenal yang mengakhiri hidup mereka dengan amat tragis iaitu meragut nyawa dengan tangan sendiri. Penulis cuba melihat mental illness dari sudut yang berbeza; bukan semata-mata depresi. Tanggapan penulis berubah sepenuhnya sehingga terlahirnya buku ini.


SINOPSIS BUKU



Gejala Sosial Remaja
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672429524

Gejala sosial melibatkan golongan remaja kini semakin membimbangkan seluruh masyarakat dan negara. Ini kerana golongan remaja dianggap sebagai modal insan yang bakal menerajui pembangunan ekonomi, politik dan sosial negara suatu hari nanti. Oleh itu, buku ini menghimpunkan perbincangan berkaitan lima gejala sosial yang melibatkan golongan remaja masa kini iaitu buli siber, tingkah laku mencederakan diri tanpa niat membunuh, penipuan cinta siber, penglibatan remaja di kelab malam dan isu pornografi dalam kalangan remaja. Buku ini merupakan hasil usaha dan kerjasama daripada para penulis yang merupakan pakar dalam beberapa bidang iaitu kriminologi, kerja sosial, linguistik, psikiatri dan psikologi serta pembangunan manusia agar gejala sosial remaja dapat dikupas dari pelbagai sudut dan pandangan. Selain membincangkan setiap isu secara mendalam, seluruh bab dalam buku ini turut membahaskan faktor berlakunya gejala tersebut serta memberikan cadangan langkah bagi menangani gejala sosial yang merosakkan remaja.


SINOPSIS BUKU



MAHANI MUSA
Warisan Sakral di Malaysia
Kuala Lumpur : Institut
Terjemahan & Buku Malaysia
Berhad, 2019.
ISBN: 9789674608422

Buku ini memfokuskan warisan sakral yang masih diamalkan di Malaysia sehingga ke hari ini. Jika ditinjau dari sudut sejarah, budaya sakral ini terhasil daripada suatu proses yang panjang yang dipengaruhi animisme dan Hindu-Buddha sebelum kedatangan Islam ke rantau ini. Cerita-cerita sakral biasanya dituturkan oleh orang tua-tua dan dianggap suci, benar-benar terjadi, dan tidak boleh dibuat main-main. Buku ini mengumpulkan 11 buah makalah yang memberi fokus kepada pelbagai warisan sakral yang terdapat di Malaysia. Warisan tersebut mencakupi sebarang bentuk amalan, aktiviti, atau kepercayaan yang dianggap suci dan benar oleh masyarakat pemiliknya, atau yang berkait rapat dengan kepercayaan sesuatu masyarakat. Para peminat budaya, ahli akademik, pelajar, dan ahli masyarakat boleh menjadikan buku ini sebagai naskah yang harus dimiliki bagi menambahkan khazanah ilmu yang berkait rapat dengan budaya dan warisan masyarakat Malaysia.


SINOPSIS BUKU



ABDUL LATIFF AWANG
**Lonjakan Kuantum :
Daripada Fizik Ke Politik
Sebuah Autobiografi**
[Malaysia] : Abdul Latiff bin
Awang, 2021.
ISBN: 9789671916704

Abdul Latiff Awang yang dilahirkan di Kampung Surau Panjang, Kuala Terengganu memulakan pengembaraan mencari dan mengumpul khazanah ilmu bermula dari Sekolah Kebangsaan Pengadang Buluh sehingga ke University of Essex, England, menempuh gelombang dan ranjau demi menjana sebuah kehidupan. Ini kemudiannya disusuli perjalanan dari USM hingga ke Wisma Darul Iman dalam usaha menabur bakti kepada agama, bangsa dan tanah air. Melalui nukilan ini, beliau merakamkan liku-liku kehidupan, kejayaan dan kegagalan yang silih berganti daripada seorang ahli akademik yang berhijrah kepada 'ahli politik', atau daripada seorang Dekan di Pusat Pengajian Sains Fizik USM kepada seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu. Nukilan beliau ini memaparkan secara jelas peranan dan penglibatan beliau dalam pembangunan pendidikan, sains dan teknologi bermula dengan peringkat persekolahan sehingga kewujudan Pusat Sains & Kreativiti, TESDEC, Program Matrikulasi, TATI, Kolej Universiti Terengganu dan Universiti Darul Iman.

SINOPSIS BUKU




TEME ABDULLAH
**Selamat Tinggal Purnama :
(Strain Kedua)**

Seri Kembangan, Selangor:
Iman Publication Sdn Bhd,
2020.

ISBN: 9789832423966

Buku ini menceritakan kemunculan semula Latif Purnama yang hilang daripada radar dan mengejutkan peminatnya dengan membuat pengumuman tergepar dahulu. Masyarakat tidak tahu apa yang berlaku kepadanya. Ada juga yang menyangka dia telah bersara. Hampir setahun kemudian, tiba-tiba dia muncul semula dengan album baharu. Karya yang sedikit ganjil berbanding karya-karyanya sebelum ini. Karya yang membahayakan nyawanya. Strain Kedua pula lebih kepada kehidupan Latif selepas berumahtangga dengan Doctor Adda. Bagaimana susah payahnya Latif untuk melindungi keluarga tersayang. Dalam masa yang sama, konflik semakin memuncak antara Omar, Latif dan juga Mawar Records yang tidak pernah putus-putus memeras dan mengambil kesempatan ke atas kebaikan Latif. Media dan masyarakat memainkan peranan dan sangat sukar untuk berlaku adil terhadap artis. Fitnah bermaharajalela, kata-kata kutukan, sindiran dan cacian menjadi amalan. Sehingga mereka seolah-olah terlupa, Latif juga manusia seperti mereka, punya hati dan perasaan.


SINOPSIS BUKU



KHAIRUNIZAM MAT KARIM
Dialog Antara Agama di
Malaysia
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2020.
ISBN: 9789834619701

Dialog Antara Agama di Malaysia merupakan sebuah buku yang meneliti dan menganalisis konsep asas dialog antara agama dari segi pendefinisian. Buku ini bertujuan untuk memaparkan dan melihat unsur-unsur yang wujud dalam definisi perkataan dialog dalam penggunaan istilah bahasa agar definisi yang tepat dan jelas dapat dibangunkan dan difahami. Selain konsep asas dialog seperti tujuan dialog, prinsip dialog, panduan dialog, metodologi dialog dan peraturan dialog turut dibahasakan, di samping itu, perbincangan dialog dalam al-Quran, hubungan dialog dengan dakwah dan debat turut diteliti. Realiti aplikasi dialog antara agama daripada perspektif Islam seperti dialog yang di aplikasi oleh Nabi Muhammad SAW dan perspektif Barat turut dibahasakan agar perbezaan jelas dapat diketengahkan.


SINOPSIS BUKU



HASRIZAL ABDUL JAMIL
Erti Beragama Yang Hilang
Kajang, Selangor : Iman
Publication Sdn Bhd, 2021.
ISBN: 9789672459071

Jika beragama itu baik, mengapa ada orang beragama yang berperangai sebaliknya? Ada yang melazimi ibadah, tetapi suka menzalimi dan menindas orang lain. Ada yang rajin membaca al-Quran, tetapi menerima rasuah dan saling bermusuhan apabila tidak sefahaman. Tidak dapat dinafikan, kehidupan dan tingkah laku seseorang banyak didorong oleh kefahamannya terhadap agama. Jika benar kefahaman tersebut, maka akan benarlah juga kehidupan dan tingkah lakunya. Andai kita memperbaiki cara kita memahami agama, kita ibarat memperelok kehidupan kita secara seluruhnya. Melalui buku Erti Beragama Yang Hilang, Ustaz Hasrizal Abdul Jamil menjelaskan sudut-sudut agama yang sering dilupakan dan disalahfahami. Antaranya perkaitan akidah dan ibadah dengan kehidupan, acuan akhlak, juga isu perhubungan sesama manusia, agar kita dapat melalui kehidupan di dunia dengan baik sekali gus mengecapi kenikmatan hidup yang abadi di akhirat kelak.

SINOPSIS BUKU



MOHD SYAKIR MOHD ROSDI
& NOOR HUSNA MOHD
SHAFIE


**Dua Doktor Pembangun
Ekonomi Politik Islam Di
Malaysia : Dr. Burhanuddin
Al-Helmi & Tun Dr. Mahathir
Mohamad**

Kota Bharu, Kelantan : UMK
Press, 2020.

ISBN: 9789672229919

Buku yang dipersembahkan kepada para pembaca kali ini menjelaskan berkenaan sumbangan keintelektualan dua doktor bagi membangunkan ekonomi politik Islam di Malaysia. Mereka merupakan antara nama yang banyak disebut oleh masyarakat awam sebagai seorang tokoh negara. Penulisan buku ini agak berbeza apabila mengaitkan kedua-dua tokoh ini dengan sumbangan mereka terhadap ekonomi politik Islam di Malaysia. Sebenarnya, kedua-dua tokoh ini tidak memiliki banyak perbezaan dari sudut perjuangan kerana yang memisahkan perjuangan mereka hanyalah kerana Dr. Burhanudin dengan prinsip Islamnya dan Tun Dr. Mahathir dengan prinsip kemelayuannya, sedangkan secara realitinya kenapa boleh berbeza kerana orang Melayu lazimnya beragama Islam, manakala Islam sedarah daging dengan orang Melayu.

SINOPSIS BUKU



AMRAN MAT ARRIFEN
**Nik Mohd Mohyideen Wan
Musa : Perintis Pendidikan
Islam di Malaysia**
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
Pustaka, 2020.
ISBN: 9789834610357

“Yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti”. Pepatah ini menggambarkan betapa tiada yang perlu ditangisi dengan kehilangan. Namun begitu, secara umumnya kehilangan bukan begitu mudah untuk ditukar ganti. Begitulah juga dengan tokoh yang menjadi fokus utama perbincangan buku ini. Nik Mohd Mohyideen Wan Musa yang menjadi pencetus transformasi pendidikan Islam di Malaysia menjadi idola dalam dunia perguruan. Perginya tidak berganti. Jasanya tetap dikenang hingga kini. Pengalamannya yang begitu luas dalam bidang pendidikan serta cetusan idea dalam mewujudkan sekolah menengah kebangsaan agama di Malaysia menjadi pemangkin kepada ketokohan beliau. Keikhlasan dan dedikasi beliau dalam menjalankan tanggungjawab keilmuan serta memberikan pendidikan yang terbaik untuk anak bangsa turut membangkitkan kesedaran orang ramai bagi penghasilan modal insan dalam masyarakat.

SINOPSIS BUKU




NURHARYATI ISHAK
Cinta Dunia Fantasi

Bandar Baru Bangi, Selangor :
Kaseh Aries Publication Sdn
Bhd, 2020.

ISBN: 9789672035435

Antara Issam dan Haider mana satu harus kupilih. Kedua-duanya aku cinta. Issam, manusia yang disumpah menjadi seekor kuda putih. Haider pula yang disumpah menjadi naga. Kedua-duanya kejam disimpan di dalam hati. Nakalnya Haider membuatkan hati ini geram! Tetapi dalam nakalnya, dia sangat mengambil berat, membuatkan aku terus jatuh cinta. Sikap selamba Issam pula ada kala melemaskan. Tetapi raut wajah dan keterampilannya membuatkan hati ini gedebuk! Jatuh tanpa sengaja. Tanpamu, aku pasti mati. Hanya kau yang mampu menamatkan sumpahan ini. Walau jauh aku pergi, sampai langit ke tujuh, cinta hati ini hanya untuk kau, Delisya. Bukan aku tidak cintakan kau, Delisya. Tetapi aku tidak berdaya. Aku mahu, tapi aku sedar diri aku siapa. Aku ragu-ragu tentang status kita. Beralih waktu, suatu rahsia paling besar telah terbongkar, membuatkan diri ini terasa hina. Aku beralah demi kau, Delisya. Demi sahabat aku. Semoga kau bahagia. Aku paksakan untuk melupaimu walaupun begitu payah. Tapi aku tahu di hatimu ada cinta. Malah cinta itu begitu kuat untuk aku. Tapi apakan daya, aku terpaksa pergi supaya hati aku tidak disakiti lagi-Issam.

SINOPSIS BUKU




**SYED MAHADZIR SYED
IBRAHIM**
**Membongkar Sejarah
Awal Kegemilangan
Tamadun Islam**

Petaling Jaya, Selangor :
Hijjaz Records Publishing,
2021.

ISBN: 9789672278429

Buku ini menyingkap semula kegemilangan Islam bermula tahun 622 apabila wahyu pertama diturunkan kepada Rasulullah S.A.W. di Gua Hira'. Selepas wafatnya Nabi Muhammad dipercayai kerajaan Islam berkembang sejauh Lautan Atlantik di Barat dan Asia Tengah di Timur. Pada waktu itu, ramai ilmuan Islam yang terdiri daripada ahli falsafah, ahli sains dan jurutera-jurutera yang menyumbang idea dalam meningkatkan teknologi. Pencapaian saintifik dan intelektual Islam mekar pada zaman keemasan tersebut. Kerajaan Islam pula mewarisi pengetahuan kemahiran Timur Tengah Purba, Yunani, Parsi dan India. Para cerdik pandai contohnya telah menambah dan membuat pembaharuan penting dalam penomboran, pembuatan kertas dan tekstil. Para cendekiawan Islam juga turut menghasilkan pengetahuan baru dalam bidang perubatan. Berikutan itu, banyak hospital telah dibina khususnya di Kaherah iaitu Hospital Qalawun yang mempunyai pakar perubatan dan kakitangan hospital yang ramai. Aktiviti keilmuan juga terus berkembang dengan kegiatan penterjemahan dan disebar dalam bentuk manuskrip dan dicetak keseluruh Eropah seperti Daftar Karya Perubatan oleh Ibnu Sina. Manuskrip ini telah diterjemah dan dicetak ke dalam bahasa Latin.

SINOPSIS BUKU



SYED MAHADZIR SYED
IBRAHIM


**Membongkar Misteri
Borobudur : Warisan
Istana Ratu Saba'?**

Petaling Jaya, Selangor :
Hijjaz Records Publishing,
2021.

ISBN: 9789672278450

Buku ini membongkar kisah kehilangan Negeri Saba' yang dipercayai telah hilang pada zaman Nabi Sulaiman dan digambarkan ia berada di Indonesia. Fakta mengejutkan itu disampaikan oleh ahli matematik Islam, KH Fahmi Basya Hamdi. Berdasarkan penelitian selama lebih 33 tahun, beliau bukan sahaja memaparkan tentang peninggalan Nabi Sulaiman yang agung bahkan mengubah sejarah nusantara. "Al-Quran datang tidak hanya meluruskan ilmu tauhid dan akhlak manusia, tetapi juga meluruskan dunia kepurbakalaan kita", kata KF Fahmi Basya Hamdi seperti dikutip dalam buku beliau yang berjudul "Borobudur dan Peninggalan Nabi Sulaiman" Cetakan ke-7, Januari 2014, terbitan Zaytuna. Menurut beliau, ciri-ciri Negeri Saba' yang pernah disinggahi Nabi Sulaiman dan tenteranya telah digambarkan dengan jelas dalam Al-Quran melalui kisah Nabi Sulaiman dan Ratu Balqis. Ciri-ciri Ratu Balqis dikatakan banyak menyamai Ratu Boko yang merupakan figura penguasa wanita. Namun, pemakaian istilah Ratu Boko dalam kajian ini dan kaitan Nabi Sulaiman tidak diperincikan dengan jelas dan terdapat kesalahan dalam menafsirkan ayat Al-Quran. Justeru, ia masih terus menjadi perdebatan dari aspek kesahihannya oleh sebilangan ulama.

SINOPSIS BUKU



YUSUF LIU BAOJUN,
HAJI IBRAHIM LIU
JINGWEI


Pengenalan Khat Cina Muslim

Petaling Jaya, Selangor :
CM Diverse Sdn. Bhd.,
2021.

ISBN: 9789671638767

Buku ini membincangkan seni kaligrafi dalam masyarakat Cina muslim yang telah berkembang semenjak sekian lama. Ia merupakan gabungan dua tamadun iaitu Tamadun Cina dan Tamadun Islam. Khat Cina Islam ini disebarikan secara meluas dalam bentuk pena, dakwat, batu dakwat, kertas kaligrafi, meterai (cap tanda/cap mohor) dan sebagainya. Ia menunjukkan budaya dan kekayaan dalam seni dan juga kebijaksanaan kreatif yang luar biasa bagi masyarakat Cina muslim. Kaligrafi juga adalah simbol asas budaya Cina dan mempunyai persamaan dengan kaligrafi Arab. Khat Arab dalam masyarakat Cina muslim biasanya dikenali sebagai kaligrafi tulisan suci walaupun ia berasal dari bahasa Arab atau Parsi. Namun, setelah berlakunya perkembangan, ia melangkaui kaligrafi Arab tulen, lalu membangunkan ciri-ciri budaya khat Cina muslim dalam bidang seni. Kaligrafi khat Cina menunjukkan perkembangan yang bukan sahaja boleh didapati di dalam masjid dan bangunan bahkan termasuk batu nisan, makanan halal, hiasan rumah, duit syiling dan mata wang kuno terutamanya yang dihasilkan oleh pelukis yang berasal daripada etnik Uighur.


SINOPSIS BUKU



YUSUF LIU BAOJUN
Teks Lengkap Lunyu
Konfusius & Huraian dari
Perspektif Islam
Petaling Jaya, Selangor :
CM Diverse Sdn. Bhd.,
2021
ISBN: 9789671638750

Buku ini membicarakan tentang *Lunyu* atau *The Analects* Konfusius yang mencatat kata-kata dan perbuatan para pengikut dan murid Konfusius. Ia merupakan sebuah buku klasik dalam budaya Cina, iaitu Buku Kebijaksanaan (Wisdom Book). Falsafah Konfusius dijelas dan direkodkan dalam *The Analects* merangkumi dialog dengan muridnya dalam bentuk kata-kata dan perbuatan. Catatan tersebut dimuatkan dalam buku ini yang menyentuh perihal politik, nilai kehidupan, estetika, kepercayaan, ekonomi, pendidikan, etika, alam dan perubahan, sikap hidup dan mati. Buku tersebut digunakan sebagai kandungan asas kursus untuk peperiksaan kebangsaan dan pemilihan bakat pada zamannya. dianggap sebagai seorang yang suci dan ilmuwan. Semenjak dahulu, karyanya disukai dan dikaji oleh masyarakat Cina dunia. Didalam buku ini turut membincangkan persamaan etika dan moral yang secara logiknya serupa dengan etika Islam. Inilah sebabnya penulisan ini dikhaskan untuk meneroka sifat interaksi Islam dan Konfusianisme dalam mencari bukti. Dari segi falsafah, Konfusius percaya hubungan Ren (budi) dan Li (etika) perlu selari dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai manusia.

SINOPSIS BUKU



**DR. ROHAILY AL-
JAWHARY**
**Muhammad Rasul
Terakhir**
Batu Caves, Selangor :
Must Read Sdn. Bhd.,
2021.
ISBN: 9789672038535

Buku ini merupakan sebuah naskhah yang membawa pembaca ke zaman sebelum kelahiran Baginda Rasulullah S.A.W. Masyarakat dunia telah menganuti pelbagai agama sebagai pegangan hidup mereka. Agama seperti Nasrani, Yahudi, Majusi, Wathani, al-Sabiah dan lain-lain telah menjadi pegangan hidup masyarakat dunia pada ketika itu. Namun, agama tauhid yang dibawa oleh Nabi Ibrahim A.S. iaitu agama Hanifah masih diamalkan oleh sebilangan bangsa Arab. Sejarah telah mencatatkan jarak kewafatan Nabi Ibrahim A.S dengan kelahiran Rasul terakhir adalah selama 20 kurun. Buku ini turut menceritakan saat kelahiran Baginda Rasulullah S.A.W., zaman kanak-kanak, remaja, dewasa sehingga baginda diangkat sebagai Rasul utusan terakhir. Sirah Rasulullah ini juga membuktikan bahawa jalan kebenaran dan dakwah sentiasa dicabar dan ditentang. Pelbagai ujian yang dilalui baginda demi meyampaikan dakwah Islam. Berbekalkan kecekalan dan kesabaran Rasulullah S.A.W. dalam menghadapi cabaran dan rintangan itu, kita telah dapat menikmati kejayaan misi dakwah baginda sehingga diwarisi sehingga ke hari ini. Selain itu, hijrah telah membuktikan kepentingan sahabat dan keperluan bekerjasama yang sangat membantu bagi menyempurnakan lagi Islam supaya diterima dan terus tersebar ke serata dunia. Buku ini dilengkapi dengan informasi, gambar dan ilustrasi yang sangat menarik.